

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 SEPTEMBER 2016

# Wanita PKR mahu Dr. Mahathir mohon maaf secara terbuka

Um- 16/9/2016

**KUALA LUMPUR 15 Sept.** - Wanita PKR mahu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memohon maaf secara terbuka kepada keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim dan seluruh rakyat Malaysia kerana peranannya dalam memenjarakan bekas Ketua Pembangkang itu.

Ketuanya, Zuraida Kamaruddin berkata, bekas Perdana Menteri itu perlu berbuat demikian kerana keluarga Anwar telah mengalami kesan yang cukup perit berikutan keputusan beliau



**ZURAIDA  
KAMARUDDIN**

memecat timbalannya pada 1998 dan kemudian terpaksa pula meringkuk di dalam penjara.

"Ini adalah perkara peribadi (melibatkan Dr. Mahathir dan keluarga Anwar) tetapi kini sentimen mahukan beliau memohon maaf. Bagi saya, adalah lebih baik jika Dr. Mahathir dapat melakukannya dengan ikhlas," katanya seperti dipetik daripada *Themalaymailonline* hari ini.

Zuraida membuat kenyataan itu susulan daripada desakan anak Anwar, Nurul Nuha yang mahu Dr. Mahathir membuat permo-

honan maaf secara terbuka selain mengakui kesilapan lampau terhadap bapanya.

Menurut Nurul Nuha, Dr. Mahathir perlu bertanggungjawab terhadap dakwaan rasuah dan liwat ke atas Anwar pada 1998 sebelum berfikir tentang membentuk sebarang pakatan dengan PKR melalui parti baharunya, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Dr. Mahathir memecat Anwar pada 1998 atas dakwaan terlibat dengan perlakuan seks luar tabii dan keputusan tersebut kemudian mencetuskan reformasi janaan selepas bekas Ketua Pembangkang itu mendakwa pemecatan berkenaan merupakan satu konspirasi.